

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR
[JERLUN]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**
menyatakan jelaskan berkaitan perkara- perkara berikut:

- a) langkah banteras fitnah, tohmahan dan hasutan dalam pelbagai medium di media sosial; dan
- b) jumlah aduan dan kes yang diterima serta tindakan dan kaedah memantau penularan bahan-bahan berita palsu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah terbaik dalam memerangi maklumat berita palsu adalah dengan 'membanjiri' ruang maklumat dengan berita benar. Sehubungan dengan itu, Kementerian dan agensi-agensi dibawah Kementerian akan meneruskan inisiatif kesedaran serta pengupayaan dan pendidikan pengguna atau "*user empowerment and education*" melalui pelbagai program advokasi dan kesedaran di media dan di lapangan. Gerak kerja inisiatif advokasi dan kesedaran adalah komitmen Kementerian untuk memupuk kesedaran

SOALAN NO : 16

awam mengenai gejala berita palsu, membudayakan amalan menyemak dan menentukan kesahihan sesuatu berita sebelum dikongsi atau disebar, serta membudayakan amalan menyebarkan kebenaran.

2. Pada masa yang sama, kolaborasi dan kerjasama baik yang telah sedia terjalin dengan penyedia platform media sosial seperti *Facebook*, *Google* dan *Twitter* akan terus diperkukuh dan diperkasakan terutamanya dalam usaha menurun atau memadamkan kandungan yang menyalahi undang-undang Malaysia, selaras dengan norma-norma serta nilai budaya negara. Ini selari dengan terma perkhidmatan serta piawaian komuniti pihak penyedia platform-platform berkenaan.

3. Dalam aspek penguatkuasaan, “Jawatankuasa Jenayah Siber” yang telah ditubuhkan antara PDRM dan SKMM juga akan terus digerakkan dan diperkasakan bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi agar tindakan penguatkuasaan lebih strategik dan tersusun, dalam menangani kesalahan jenayah siber termasuklah yang berkaitan penyebaran kandungan, maklumat, berita atau laporan tidak benar atau palsu.

4. Menyedari kepentingan menangkis penularan berita palsu secara pantas dan tuntas, KKMM juga telah menubuhkan pasukan khas; Pasukan Respons Pantas (PRP) yang dianggotai oleh KKMM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), SKMM dan Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) pada 24 Mac 2020 hasil cetusan ilham YB Menteri Komunikasi dan Multimedia, bagi menangani penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19.

5. Secara dasarnya, PRP KKMM membuat pemantauan terhadap isu-isu berkaitan dakwaan jangkitan COVID-19 termasuk isu berkaitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Ini kerana isu-isu yang dinyatakan menarik perhatian rakyat dan berpotensi memberi impak negatif menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat sekiranya tidak ditangani lebih awal

SOALAN NO : 16

yang memungkinkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini seperti *panic buying* dan rusuhan seperti yang berlaku di luar negara.

6. Prosedur Operasi Standard (SOP) PRP KKMM telah ditetapkan untuk mendapat pengesahan dan maklumbalas yang diperlukan daripada pihak berkaitan. Komunikasi dua hala antara PRP KKMM bersama pegawai kementerian / jabatan / agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan kesahihan terhadap sesuatu isu kebiasaannya mengambil masa minimum selama 30 minit dan maksimum sehingga 3 jam. Sejurus memperoleh pengesahan bagi isu yang dikenalpasti, draf penafian berita palsu dikenali sebagai 'Pemakluman Berita Palsu' disediakan dalam kadar segera dan disiarkan mengikut waktu siaran yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat juga siaran khas bagi isu kritikal dan *ad hoc* sekiranya menerima arahan daripada Pejabat Perdana Menteri (PMO).

7. Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak 365 penafian berita palsu telah diperjelaskan kepada masyarakat.

b)

1. Antara tahun 2018 sehingga Julai 2020, sejumlah **121** kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan **7** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dengan **10** pertuduhan. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya bila melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.